

Strategi Dasar Pandang ke Timur ciptaan Dr. M menuju ke fasa teknologi

UM 23 MAY 2004

Daripada ZAINI HASSAN

SEOUL 22 Mei — Tahun depan genap 20 tahun Dasar Pandang ke Timur dilancarkan dan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad secara peribadi bagi pihak rakyat Malaysia akan mengambil peluang dalam lawatan rasminya ke negara ini untuk mengucapkan terima kasih kepada kerajaan Korea Selatan kerana melatih serta mendedahkan anak tempatan dalam pelbagai jenis latihan dan ilmu.

Lebih menarik lagi, dalam tempoh meniti usia dewasa ini, dasar itu dijangka memasuki satu fasa baru dalam bentuk latihan yang akan ditumpukan kepada aspek teknologi tinggi serta yang berkaitan dengan komunikasi maklumat (ICT).

Tanpa dilupakan mengenai latihan dalam bidang automotif, Perdana Menteri juga, menurut Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar akan meminta syarikat pembuat kereta Kia Motors Corporation dan Hyundai Motors melatih rakyat tempatan dalam bidang tersebut.

Dasar Pandang ke Timur yang dilancarkan atas ilham Dr. Mahathir pada 1982 bertujuan menghantar anak tempatan ke Jepun bagi menimba ilmu dari segi budaya kerja dan teknologi tertentu, termasuk pembuatan kereta.

Ekoran dasar itu, Malaysia akhirnya berjaya mengeluarkan kereta nasionalnya sendiri pada 1995 sehingga kejayaannya begitu memberangsangkan hari ini.

Dalam tempoh beberapa

tahun dasar itu dilancarkan, Perdana Menteri turut memberi tumpuan untuk rakyat Malaysia mendapatkan latihan di negara ini.

Kedua-dua negara itu, Jepun dan Korea Selatan merupakan negara yang amat berjaya dalam bidang teknologi berat dan tinggi hasil ketekunan dan kerajinan rakyatnya.

Setakat ini, 1,084 anak Malaysia diberi latihan dalam pelbagai bidang teknologi di Republik Korea (ROK) ini.

Walaupun proses pemindahan teknologi tidak berlaku 100 peratus, pendedahan yang diperoleh oleh pelatih, berhasil membangunkan pelbagai industri berkaitan dalam acuan sendiri dengan jayanya.

Perdana Menteri tiba di negara ini dari Nagasaki, Jepun petang ini bagi memulakan lawatan rasmi dua hari. Turut mengiringi beliau ialah 106 delegasi perdagangan yang akan menandatangani tujuh Memorandum Persefahaman (MoU) dengan syarikat-syarikat Korea.

Menurut Syed Hamid tujuan lawatan ini adalah untuk mengeratkan hubungan dua hala serta memperbaiki bidang perdagangan dan pelabuhan kedua-dua negara, terutama dalam bidang teknologi tinggi dan ICT.

"Kita berharap hasil lawatan ini akan menjadi penggerak bagi mewujudkan lawatan kerja peringkat tertinggi yang lebih kerap antara kedua-dua kerajaan. Perdana Menteri juga akan menjemput Presiden Kim Dae-jung melawat Malaysia sebagai

membalas kunjungan ini," kata beliau kepada wartawan Malaysia yang membuat liputan lawatan rasmi itu, di Hotel Shilla di sini hari ini. Turut hadir ialah Duta Besar Malaysia ke Republik Korea, Datuk V. Yoogalingam.

Esok, Dr. Mahathir akan mengadakan mesyuarat terhad dengan Kim di kediaman rasmi Presiden di Blue House. Selain soal Dasar Pandang ke Timur mesyuarat delegasi itu juga akan menyentuh mengenai beberapa isu bersama. Antaranya Malaysia akan memohon penambahan hak pendaratan penerbangan ke negara ini. Pada masa ini Penerbangan Malaysia membuat lima penerbangan seminggu ke sini.

Mengenai soal global pula, Syed Hamid berkata, Malaysia akan meminta Korea Selatan selaku anggota ASEAN+3 bersama-sama Jepun dan China untuk menyokong diwujudkan penubuhan sekretariatnya di Kuala Lumpur.

Turut dibincangkan dalam pertemuan Dr. Mahathir-Kim, menurut beliau ialah mengenai soal jenayah merentasi sempadan dan isu-isu terrorisme.

Dalam pada itu, Perdana Menteri akan menyaksikan majlis menandatangani tujuh MOU di antara syarikat Malaysia dengan Korea Selatan.

Ketujuh-tujuh MoU tersebut adalah:

* MATRADE dan Persatuan Perdagangan Antarabangsa Korea (KITA) — bagi meningkatkan kerjasama dalam menggalakkan perdagangan;

* NAZA KIA Sdn. Bhd. dan KIA Motors Corpor-

ation — untuk mewujudkan usaha sama dalam pembuatan dan pemasangan kenderaan KIA di Malaysia untuk pasaran tempatan dan Asia-Pasifik;

* LG Chem Investment Ltd., Korea dan Innobiologics Sdn. Bhd., — dalam kerjasama pembangunan pengeluaran bio-farmasutikal di Malaysia;

* Hanyang University, Korea dan Innobiologics Sdn. Bhd., — usaha sama dalam penyelidikan dan pembangunan biologiikal;

* Pangeh Biotech, Korea, Amersham Biosciences Ltd., Korea dan Innobiologics Sdn. Bhd., — pembangunan bersama pengeluaran bio-farmasutikal di Malaysia;

* Telekom Malaysia Berhad dan KT Corporation, Korea — pemindahan teknologi dan kerjasama dalam Broadband Internet Business yang meliputi bidang kejuruteraan Internet broadband, operasi Internet broadband dan sistem pengurusan serta Sistem Integrasi dan Rangkaian Perkhidmatan; dan

* Phytes Biotek Sdn. Bhd. dan Dae Seong Trading Co. — bagi membeli keluaran Tongkat Ali oleh Dae Seong untuk dijadikan minuman tenaga herba.

Malam ini, Dr. Mahathir berdialog dengan masyarakat dan pelajar Malaysia dalam satu majlis beraamah mesra di sini. — Utusan